

ACTIMOL TABLET

Paracetamol (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Actimol tablet
2. Bagaimana Actimol tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Actimol tablet
4. Cara menggunakan Actimol tablet
5. Semasa menggunakan Actimol tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Actimol tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Actimol tablet

Actimol tablet mengandungi 500mg paracetamol. Ubat ini digunakan untuk mengurangkan demam dan juga melegakan kesakitan yang ringan hingga sederhana termasuk: sakit kepala, migrain, sakit belakang, kesakitan muskuloskeletal, myalgia dan neuralgia, senggugut, osteoarthritis, sakit gigi, kesakitan selepas prosedur pergigian/cabut gigi, kesakitan selepas vaksinasi, ketidakselesaan disebabkan oleh selsema, influenza dan sakit tekak.

Bagaimana Actimol tablet berfungsi

Actimol tablet mempunyai ciri-ciri analgesik (melegakan kesakitan) dan antipiretik (kurangkan demam).

Sebelum mengambil Actimol tablet

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Actimol tablet jika anda ada alahan kepada paracetamol atau acetaminopen. Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai alahan kepada paracetamol atau acetaminopen.

Beritahu/dapat nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum ambil Actimol tablet jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati. Actimol tablet perlu diberi dengan berhati-hati kepada pesakit dengan masalah buah pinggang. Actimol tablet juga perlu diberi dengan berhati-hati kepada pesakit yang mengambil ubat-ubatan lain yang membawa kesan kepada hati.

Sila bincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi. Setakat ini, tiada masalah dilaporkan berkaitan penggunaan Actimol tablet semasa hamil atau menyusukan bayi tetapi anda dinasihat merujuk kepada doktor atau ahli farmasi terlebih dahulu.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sediaan ini mengandungi Paracetamol.

Jangan mengambil sediaan lain yang mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

Kesan ubat lain boleh berlaku sekiranya diambil bersama Actimol tablet. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda sedang ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, kedai ubat atau mana-mana sumber lain sebelum mula menggunakan Actimol tablet.

Elakkan minum alkohol semasa mengambil Actimol tablet. Pengambilan alkohol berlebihan boleh meningkatkan risiko kerosakan hati ketika diambil bersama Actimol tablet.

Cara menggunakan Actimol tablet

Telan ubat dengan air ataupun minuman lain.

Sentiasa mengambil ubat ini sepertimana diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan

pada label dengan teliti. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda perlu nasihat lanjutan.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihatkan dos yang diperlukan setiap hari dan tempoh pengambilan ubat ini. Ini bergantung kepada keadaan anda dan jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan lain.

Dewasa: 1 hingga 2 tablet (500mg sehingga 1g) setiap 4 hingga 6 jam sehingga maksimum 8 tablet setiap hari.

Kanak-kanak: 6 hingga 12 tahun: 1/2 hingga 1 tablet (250mg sehingga 500mg) 3 hingga 4 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan pada label dengan teliti dan sepertimana diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan pada label dengan teliti dan sepertimana diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk kanak-kanak, jangan beri Actimol tablet untuk tempoh lebih daripada 48 jam kecuali diarahkan oleh doktor untuk mengguna lebih daripada itu.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat itu pada masa yang dijadualkan seterusnya. Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini boleh meningkatkan peluang anda mendapat kesan-kesan sampingan yang tidak diingini.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan bantuan perubatan kecemasan di hospital terdekat jika

ACTIMOL TABLET

Paracetamol (500mg)

anda fikir anda atau orang lain telah menggunakan terlalu banyak ubat ini walaupun tiada gejala keracunan kerana risiko kerosakan pada hati adalah tinggi.

Tanda-tanda terlebih dos Actimol tablet termasuk muntah, sakit perut, tekanan darah rendah dan berpeluh. Kesan pengambilan paracetamol yang berlebihan secara akut ialah kerosakan hati yang boleh membawa kepada kematian. Rawatan segera adalah penting dalam pengambilan Actimol tablet berlebihan.

Semasa menggunakan Actimol tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda atau sepertimana terdapat pada label. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika simptom berterusan.
- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda alahan kepada paracetamol atau acetaminophen.
- Beritahu doktor dan ahli farmasi tentang ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi yang anda sedang ambil.
- Semasa mendapat rawatan lain, maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Actimol tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri Actimol tablet kepada kanak-kanak untuk lebih daripada 48 jam kecuali diarahkan oleh doktor.

Jangan berkongsi Actimol tablet dengan sesiapa walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat sebarang keadaan lain tanpa dengan arahan doktor.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda hamil atau sedang menyusukan bayi, jangan ambil Actimol tablet tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda terlebih dahulu.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat-ubatan mungkin mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini. Kesan-kesan sampingan yang tidak diingini tidak selalu berlaku kepada setiap orang. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda tidak berasa sihat semasa anda mengambil Actimol tablet. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya ada apa-apa soalan yang anda ingin tanya.

Paracetamol boleh menyebabkan tindak balas kulit yang teruk. Gejala-gejala termasuk kulit kemerahan, lepuh atau ruam. Ini boleh jadi tanda-tanda keadaan yang serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Kesan sampingan yang teruk seperti tindak balas hipersensitiviti kulit termasuk radang kulit, angioedema, *Steven Johnson Syndrome/Toxic Epidermal Necrolysis* pernah dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Actimol tablet

- Penyimpanan

Simpan semua ubat daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang diterterakan pada pek bungkusan.

- Simpan di bawah suhu 30°C
- Lindungi dari cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih, bulat, tepi berbentuk serong dengan ikon Pharmaniaga pada satu permukaan dan garisan belahan di satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif :
Acetaminophen (Paracetamol)
500mg

- Bahan tidak aktif :
Corn Starch, Pregelatinized Starch, Povidone, Sodium Carboxymethyl Starch, Steric Acid.

- Nombor MAL
MAL19961333XZ

Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

ACTIMOL TABLET

Paracetamol (500mg)

Tarikh kemaskini RiMUP

06/09/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)060917/00243